

'Jaguh' setinggian cuma cari kepentingan sendiri - Mahathir

27 FEBRUARI 1984

KUALA LUMPUR, 27 Feb. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad kesal terhadap orang-orang tertentu yang menjadi 'jaguh' kononnya untuk memperjuangkan hak-hak setinggian, tetapi sebenarnya hanya untuk kepentingan mereka sendiri.

Perdana Menteri berkata, "mungkin suka setinggian tinggal sebagai setinggian, kerana jika tidak ada setinggian mungkin tidak ada isu untuk menjadi jaguh."

"Tetapi jika harta mereka dirampas walaupun untuk kebaikan setinggian, reaksi mereka berbeza sekali," tegas beliau ketika berucap merasmikan Bandar Baru Wangsa Maju yang terletak di Lsdang Hawthornden, Setapak di sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyeru penghuni-penghuni setinggian supaya memberi kerjasama kepada kerajaan dalam membangunkan kawasan berkenaan agar lebih ramai penduduk akan menikmati kehidupan lebih selesa di bandar.

Beliau berharap mereka jangan angkuh dan memandang hina kepada kehidupan di rumah-rumah pangsa atau rumah berderet-deret.

Beliau menegaskan kerajaan sedia membantu untuk membangunkan kawasan-kawasan setinggian jika penduduk-penduduknya sendiri sanggup berkongsi nikmat.

"Janganlah kita hendak kawasan setinggian kita untuk kita sahaja atau hendak rumah banglo milik sendiri yang didapati percuma atau dengan harga murah atau dengan harga lebih rendah dari sewarumah setinggian kita," tegasnya.

Beliau menambah: "Janganlah kita pandang hina kepada hidup dalam flat dan janganlah pula anggap bahawa kerana kita tidak mampu belitanah maka kita berhak atastanah orang lain."

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengingatkan penduduk-penduduk setinggian supaya jangan menganggap harta orang lain sebagai hak mereka dan memestikan

tuanya punya tanah membayar pampasan apabila mereka mahukan balik harta mereka.

Menurut Perdana Menteri, masalah perumahan sebenarnya boleh diatasi oleh masyarakat negara ini kerana kerajaan mempunyai cara dan rancangan tersebut.

Tetapi, tambah beliau, apa juga rancangan tidak mungkin akan berjaya jika tiap-tiap seorang mahukan kehendak diri sendirinya dilayan sepenuhnya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan memang berhasrat supaya ramai dari penduduk kampung mendapat keselesaan hidup yang ada di bandar-bandar, mandangkah kawasan setinggian dan kehidupan sebagai setinggian tidak mencerminkan keselesaan kehidupan di bandar.

Hakikat yang harus ditegaskan, kata Datuk Sri Dr. Mahathir ialah kos tempat tinggal di kawasan bandar yang tinggi berbanding dengan di kampung.

Oleh itu, untuk menu-

runkan kos tanah dan perumahan, penduduk bandar hendaklah sanggup tinggal di rumah bertingkat-tingkat atau berderet-deret.

"Juga kita mesti sanggup tinggal di rumah sewa, bahkan berkongsi bilik atau flat jika sewa mahal."

Secara berseloroh beliau berkata "bagi orang bujang kehidupan tidak boleh seperti orang yang sudah berkeluarga. Jika belum mampu berkeluarga, tunggulah dahulu sehingga mampu baru-

lah berkahwin."

Mengenai projek Bandar Baru Wangsa Maju itu, Perdana Menteri berkata kerajaan bersetuju dengan corak perancangan pembangunannya yang menekankan kepada penyediaan kemudahan-kemudahan sosio-ekonomi yang lengkap.

Menurutnya, rekabentuk kawasan kediaman juga memberi penekanan khusus ke arah mencapai jalinan hubungan interaksi antara penduduk yang lebih kerap.